BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

**Ref. No.: 03/07/04**

**EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau dicetak sebelum jam 1800 pada hari Rabu, 21 Mac 2007**

# SIARAN AKHBAR

## Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2006

Bank Negara Malaysia mengeluarkan penerbitan sulung Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2006 pada hari ini.

Laporan ini bertujuan memupuk dan meningkatkan pemahaman tentang isu-isu dan cabaran terhadap kestabilan kewangan. Laporan ini memaparkan penilaian pihak Bank berkenaan risiko dan perkara yang boleh menjejaskan kestabilan kewangan yang berpunca daripada perkembangan dalam persekitaran domestik dan global. Laporan ini juga meliputi usaha yang telah dilaksanakan dalam membentuk dan mentransformasikan sektor kewangan dan sistem pembayaran di Malaysia dan kemajuan yang telah dicapai.

**Penilaian risiko dan implikasi terhadap kestabilan kewangan**

Sistem kewangan terus mempunyai daya tahan yang tinggi dan kukuh meskipun menghadapi beberapa perkembangan yang mencabar di dalam dan luar negeri sepanjang tahun 2006. Daya tahan yang tinggi ini ialah hasil daripada keupayaan pengurusan risiko yang lebih baik, pengawasan dan tadbir urus institusi yang lebih kukuh, yang disokong oleh kemajuan yang dicapai dalam pembangunan infrastruktur kewangan dan rangka kerja pengawalan dan penyeliaan yang lebih teguh. Prestasi

kewangan yang lebih baik dan keuntungan yang sungguh menggalakkan yang dicatat sejak beberapa tahun kebelakangan ini telah meningkatkan keupayaan dan kapasiti sistem kewangan untuk menghadapi cabaran dan persaingan yang semakin sengit pada tahun 2006. Trend penunjuk utama keteguhan kewangan terus menggalakkan pada tahun itu.

Nisbah modal wajaran risiko (risk weighted capital ratio, RWCR) sektor perbankan kekal kukuh pada 12.8% pada akhir tahun 2006 (akhir tahun 2005: 13.7%), disokong oleh keuntungan awalan sebelum cukai sebanyak RM13 bilion (2005: RM12.4 bilion) dan pulangan atas ekuiti sebanyak 16.1% (2005: 16.7%). Kualiti aset sektor perbankan bertambah baik dengan nisbah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan menurun kepada 4.8% (2005: 5.8%). Keupayaan sektor perbankan untuk menangani cabaran yang dihadapi oleh sektor isi rumah dan perusahaan perniagaan terutamanya pada awal tahun 2006 diperkukuh oleh campuran portfolio yang lebih pelbagai dan pentadbiran dan pengurusan pinjaman yang mantap. Persekitaran kadar faedah yang lebih tinggi dan turun naik yang meningkat dalam pasaran kewangan selama beberapa waktu hanya memberi kesan yang sedikit terhadap kestabilan sistem perbankan. Di samping itu, pendedahan yang rendah terhadap ekuiti melindungi sektor perbankan daripada pergerakan harga ekuiti, manakala pendedahan terhadap pergerakan mata wang asing terus kekal pada tahap yang berhemat.

Sistem perbankan Islam terus kukuh dari segi permodalan, disokong oleh keuntungan sebelum cukai yang lebih tinggi. RWCR dan nisbah modal teras adalah kukuh masing-masing pada 16.6% dan 12.6% pada akhir tahun 2006 (2005: masing-masing 14.3% dan 11.6%). Keuntungan sebelum cukai belum diaudit awalan bagi sistem perbankan Islam meningkat 9.6% kepada RM1.7 bilion, manakala pulangan atas aset dan pulangan atas ekuiti masing-masing berada pada 1.3% dan 16.4%. Hasil yang menggalakkan ini terutamanya disumbang oleh pertumbuhan dalam pendapatan pembiayaan, pendapatan daripada penempatan dana dan kutipan semula pembiayaan daripada aset tak berbayar.

Sektor insurans dan takaful secara keseluruhan juga terus teguh. Lebihan kesolvenan bagi industri insurans dapat dikekalkan pada paras yang memuaskan sebanyak RM16 bilion (yang belum diaudit) pada akhir tahun 2006 walaupun menghadapi pengalaman tuntutan yang lebih tinggi terutamanya dalam sektor perniagaan motor. Keuntungan kendalian bagi insurans am dan takaful kekal pada RM1.5 bilion manakala lebihan pendapatan berbanding dengan perbelanjaan bagi insurans hayat dan takaful keluarga meningkat sebanyak 17.8% kepada RM12.8 bilion (2005: -7.6% kepada RM10.6 bilion). Kesemua ini dicapai hasil daripada pertumbuhan premium dan caruman yang stabil, dan iklim pelaburan yang menggalakkan pada tahun 2006. Daya tahan sektor itu diperkukuh oleh amalan pengurusan risiko yang bertambah baik terutamanya dalam bidang amalan pengunderaitan dan pelaburan. Premium dan caruman disatukan mencatat pertumbuhan sebanyak 6.8% kepada RM26.6 bilion (2005: 7.4% kepada RM24.9 bilion), didorong terutamanya oleh pertumbuhan kukuh dalam perniagaan berkaitan pelaburan yang mengimbangi jumlah perniagaan yang lebih rendah dalam sektor motor di samping penurunan kadar premium bagi risiko harta komersial, udara dan kargo.

Industri takaful terus mencatat prestasi yang lebih kukuh pada tahun 2006. Sumbangan takaful yang disatukan meningkat kepada RM1.7 bilion manakala jumlah aset berkembang 17.9% kepada RM6.9 bilion. Sumbangan perniagaan baru bagi takaful keluarga meningkat dengan ketara sebanyak 74.6% kepada RM1.3 bilion (2005: RM725.5 juta). Peningkatan ini ialah terutamanya hasil daripada pertumbuhan dalam takaful gadai janji dan perniagaan berkaitan pelaburan yang mencakupi 68.2% daripada keseluruhan sumbangan perniagaan baru. Perniagaan takaful am mengekalkan momentum pertumbuhan yang kukuh pada tahun 2006 dengan sumbangan langsung kasar berkembang sebanyak 29.4% kepada RM713.7 juta, didorong oleh sumbangan daripada perniagaan motor and kebakaran yang lebih tinggi.

Sektor perniagaan dan isi rumah mempamerkan daya tahan yang tinggi terhadap persekitaran harga, kos pengangkutan dan kadar faedah yang lebih tinggi. Dalam sektor korporat, prestasi keuntungan yang lebih kukuh dan kedudukan leveraj yang stabil menyumbang kepada kapasiti membayar hutang yang lebih baik, iaitu sebanyak 5.3 kali. Pulangan atas aset purata bagi syarikat tersenarai terpilih meningkat kepada 1.4% pada suku ketiga, manakala nisbah hutang kepada ekuiti hampir tidak berubah pada paras 56.3%. Sementara itu, hutang sektor isi rumah, yang telah meningkat dengan pesat selama enam tahun, meningkat pada kadar yang sederhana sebanyak 9.8% pada tahun 2006 dan menjadi stabil pada paras 72.3% daripada keluaran dalam negeri kasar, berikutan pengembangan pasaran perumahan dan automotif yang lebih sederhana. Di samping itu, pertumbuhan kukuh aset kewangan menyumbang kepada peningkatan kekayaan dan seterusnya kedudukan kewangan yang lebih baik bagi sektor isi rumah. Pada akhir tahun 2006, nisbah aset kewangan isi rumah kepada hutang ialah 205.1% berbanding dengan 201.2% pada akhir tahun 2005. Nisbah khidmat hutang bagi sektor isi rumah tampak lebih stabil dengan kualiti kredit keseluruhan mempamerkan trend yang semakin baik. Pada akhir tahun 2006, nisbah NPL menurun kepada 10.1% dan 7.1% masing-masing bagi sektor perniagaan dan sektor isi rumah.

**Transformasi Sektor Kewangan dan Sistem Pembayaran**

Kemajuan penting terus dicapai pada tahun 2006 dalam transformasi sektor kewangan Malaysia, dan dalam bidang pengawasan dan infrastruktur sistem pembayaran. Kemajuan yang dicapai adalah meluas dengan pencapaian penting dalam bidang kewangan Islam, rasionalisasi sektor kewangan, pendalaman pasaran kewangan dan peningkatan akses kepada perkhidmatan kewangan bagi semua pihak serta peningkatan keselamatan dan pengurangan risiko sistemik dalam sistem pembayaran. Perkembangan ini dilengkapi oleh transformasi organisasi dalam sektor kestabilan kewangan Bank Negara Malaysia.

Landskap kewangan terus dirasionalisasikan pada tahun 2006 dengan penubuhan bank pelaburan dan penyempurnaan penggabungan dua bank perdagangan dan dua penanggung insurans. Pencapaian penting juga dapat dilihat pada tahun 2006 dengan kemunculan bank pelaburan hasil daripada rasionalisasi bank saudagar, broker saham dan syarikat diskaun. Setelah memenuhi prasyarat yang ditetapkan, tiga broker universal juga telah bertukar menjadi bank pelaburan. Dalam bidang kewangan Islam, tahun 2006 juga menyaksikan institusi kewangan Islam berlesen yang baru memulakan perniagaan dan transformasi “jendela“ Islam beberapa bank konvensional kepada subsidiari Islam. Bank Negara Malaysia juga telah meluluskan dua lesen pengendali takaful semula.

Kemajuan selanjutnya dicapai dalam membangunkan pasaran kewangan dan dalam menggalakkan dan memperkukuh rangka kerja pendidikan dan perlindungan pengguna. Langkah-langkah yang diambil tertumpu pada peningkatan kecairan pasaran dalam dagangan sekunder dan pengukuhan dokumentasi bagi urus niaga belian balik serta pewujudan persekitaran yang diperlukan bagi penawaran produk baru dan kemasukan peserta baru. Pada tahun 2006, institusi kewangan pembangunan (IKP) dibenarkan menyertai pasaran antara bank, dan menerbitkan dan mendagangkan deposit instrumen boleh niaga (negotiable instruments of deposit, NID) dan instrumen boleh niaga Islam. Selaku peserta pasaran antara bank, IKP mempunyai fleksibiliti dan kecekapan tambahan dalam menguruskan dana. Satu lagi pencapaian besar ialah bermulanya operasi Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit pada bulan April 2006, yang sejak dari itu telah memberi bantuan pengurusan hutang kepada lebih daripada 2,000 individu.

Falsafah pengawalseliaan terus berkembang ke arah mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi inovasi, dan memupuk persaingan yang adil dan cekap ke arah membentuk sektor perbankan yang lebih pelbagai, cekap dan tertumpu pelanggan. Penekanan terus diberi ke arah memastikan peralihan yang lancar kepada Basel II, dan bagi institusi perbankan Islam, penekanan adalah ke arah mematuhi cadangan pelaksanaan Standard Kecukupan Modal yang dikeluarkan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam. Bank juga telah selesai merumus rangka kerja modal berasaskan risiko bagi penanggung insurans, yang

akan dilaksanakan pada tahun 2008. Selain itu, usaha juga telah ditumpukan ke arah meningkatkan penumpuan dengan perkembangan dalam Piawaian Pelaporan Kewangan, dan memperkenalkan lebih banyak kefleksibelan dalam pelaburan dan penawaran produk. Dari segi penyeliaan, inisiatif tertumpu pada usaha mempertingkatkan usahasama dan kerjasama antara Bank, Suruhajaya Sekuriti dan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.

Bank terus memberi lebih penekanan pada usaha meningkatkan akses kepada perkhidmatan kewangan bagi semua pihak bertujuan memastikan akses kepada produk dan perkhidmatan kewangan yang lebih meluas tersedia bagi semua lapisan masyarakat. Pada tahun 2006, Bank telah memperkenalkan strategi penting bagi menggalakkan pembangunan industri mikrokewangan di Malaysia bagi melengkapi program mikrokewangan sedia ada yang ditaja oleh Kerajaan. Ini termasuk langkah untuk meningkatkan peranan IKP sebagai penyedia perkhidmatan mikrokewangan, menggalakkan penyertaan institusi perbankan dalam mikrokewangan yang berjaya di peringkat global dan membangunkan "Program Peningkatan Pembiayaan bagi Perusahaan Mikro" bagi membolehkan perusahaan mikro mendapat jenis dan jumlah pembiayaan yang sesuai sejajar dengan perkembangan perniagaan mereka. Bank juga telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi memastikan akses kepada pembiayaan yang berterusan oleh sektor pertanian dan asas tani. Ini termasuk penstrukturan semula Bank Pertanian dan penubuhan dua dana modal usaha niaga berjumlah RM300 juta. Selain itu, Bank juga telah menubuhkan Dana Projek Luar Negeri berjumlah RM1 bilion di EXIM Bank bagi membiayai projek-projek luar negeri oleh syarikat-syarikat Malaysia.

Satu perkembangan penting dalam bidang kewangan Islam ialah pelancaran inisiatif Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (Malaysia International Islamic Financial Centre, MIFC) pada bulan Ogos 2006 yang menyediakan pendekatan secara holistik bagi mempertingkatkan kelebihan berbanding negara dalam bidang ini. Ini akan direalisasikan menerusi usaha yang tertumpu pada usaha menjadikan Malaysia sebagai pintu masuk bagi memanfaatkan peluang pelaburan serantau dan sebagai pusat originasi, pengagihan dan dagangan instrumen dan perkhidmatan berlandaskan Islam serta menjadikan Malaysia sebagai pusat

kecemerlangan pendidikan, latihan, perundingan dan penyelidikan dalam kewangan Islam.

Langkah utama yang diperkenalkan pada tahun 2006 ialah penubuhan Jawatankuasa Eksekutif MIFC yang bertindak sebagai jawatankuasa penyelaras tunggal untuk menyelia pelaksanaan dasar MIFC, pengeluaran lesen jenis baru, iaitu Bank Islam Antarabangsa dan Pengendali Takaful Antarabangsa, serta penubuhan Unit Perniagaan Mata Wang Antarabangsa oleh institusi kewangan Islam Malaysia.

Memandangkan sistem pembayaran yang berfungsi dengan baik sangat penting untuk mengekalkan kestabilan kewangan, penggalakan sistem pembayaran yang terjamin, selamat dan cekap terus menjadi fokus utama Bank.

Pada bulan November 2006, Bank Negara Malaysia dengan kerjasama Hong Kong Monetary Authority telah berjaya melaksanakan infrastruktur Pembayaran semasa Pembayaran (Payment versus Payment, PvP) bagi penyelesaian urus niaga dagangan ringgit–dolar Amerika Syarikat (AS) antara bank. Penghubung terus antara RENTAS di Malaysia bagi penyelesaian ringgit dan sistem USD CHATS di Hong Kong bagi penyelesaian dolar AS telah diwujudkan untuk membolehkan penyelesaian secara serentak bagi ringgit di Malaysia dan dolar AS di Hong Kong dalam waktu urus niaga di Malaysia. Dengan itu, risiko penyelesaian bagi urus niaga pertukaran asing (foreign exchange, FX) ringgit dan dolar AS dapat dihapuskan. Sehingga Disember 2006, 44% daripada jumlah urus niaga FX ringgit-dolar AS dan 86% daripada urus niaga ringgit-dolar AS antara bank peserta diselesaikan menerusi sistem ini.

Memandangkan ketidakstabilan operasi boleh menambah lagi pelbagai risiko dalam sistem pembayaran, dan seterusnya mengganggu serta menjejaskan kestabilan pasaran kewangan di samping melemahkan keyakinan orang ramai, Bank terus memberi penumpuan terhadap pengukuhan operasi, keselamatan, dan perancangan luar jangka bagi sistem-sistem pembayaran yang penting dari segi sistemik dan sistem pembayaran utama lain. Bank Negara Malaysia terus memberi keutamaan yang tinggi terhadap perancangan kesinambungan perniagaan bagi memastikan ketersediaan tanpa gangguan sistem pembayaran menerusi Pusat

Pemulihan Bencana bagi operasi RENTAS dan SPICK. Peserta pasaran juga dikehendaki mengambil pendekatan proaktif dalam memastikan pusat pemulihan bencana di luar premis masing-masing sentiasa dalam keadaan bersedia untuk menangani sebarang keperluan di luar jangkaan.

Tahun ini juga menyaksikan kemasukan peserta bukan bank dalam sektor kad kredit, wang elektronik dan perkhidmatan pengiriman wang. Ini adalah selaras dengan usaha Bank untuk meningkatkan kecekapan dan menyediakan lebih kemudahan kepada orang ramai, dalam bidang pembayaran runcit melalui peningkatan persaingan dan inovasi. Bagi menggalakkan ATM sebagai tempat akses kepada pembayaran secara elektronik, rangkaian dan fungsi ATM telah diperluas untuk membolehkan pemindahan dana antara bank berasaskan masa nyata, pembayaran bil melalui pembaca barkod yang dipasang di ATM, pindahan dana GIRO Antara Bank kepada pihak ketiga dan pengeluaran tunai merentas sempadan di Indonesia, Thailand and Singapura.

Dengan adanya infrastruktur pembayaran yang diperlukan, disokong pula dengan keberkesanan sektor kewangan sebagai penggembleng tabungan yang cekap, tumpuan utama Bank pada tahun-tahun akan datang adalah untuk mempercepat perpindahan kepada kaedah pembayaran secara elektronik dan bertindak sebagai pemangkin bagi merealisasikan potensi pembayaran secara elektronik dalam meningkatkan produktiviti dan menjimatkan kos kepada negara secara keseluruhannya.

**Hala Tuju Dasar Masa Hadapan**

Teras langkah dasar pada tahun 2007 adalah untuk memperkukuh rangka kerja berhemat dan perundangan bagi institusi kewangan, membantu kemunculan peserta domestik utama, dan meningkatkan tahap kecekapan dalam sistem kewangan melalui penyahkawalseliaan dan operasi yang lebih fleksibel. Tumpuan akan terus diberikan dalam memacu agenda MIFC dan memperkukuh peranan IKP dan peserta pasaran kewangan dalam menyumbang ke arah transformasi ekonomi. Berikutan minat institusi asing yang meningkat untuk memegang saham strategik dalam institusi kewangan domestik, Bank juga akan terus mempunyai peranan dalam

menggalakkan penubuhan perkongsian strategik bertujuan menghasilkan manfaat bersama bagi pihak yang terbabit khususnya dan negara secara amnya, sementara memelihara kestabilan kewangan. Inisiatif tambahan akan diambil dalam meningkatkan kesedaran dan pendidikan pengguna, merupakan sebahagian daripada usaha Bank untuk mencapai peningkatan dalam penyediaan akses kepada perkidmatan kewangan bagi semua pihak.

**Tumpuan Pemantauan dan Pengawasan pada Tahun 2007**

Dengan ekonomi Malaysia dijangka lebih bersepadu di peringkat antarabangsa dan serantau, memelihara kestabilan sistem kewangan menjadi semakin lebih mencabar kerana negara tidak terlindung daripada perkembangan luar negeri dan daripada risiko kontagion. Dengan ini, usaha pemantauan dan pengawasan pada tahun 2007 akan tertumpu pada perkembangan dalam prospek pertumbuhan global, potensi wujudnya turun naik yang lebih pesat dalam pasaran kewangan, kenaikan semula harga minyak mentah yang boleh mewujudkan semula tekanan inflasi, dan aliran modal berterusan yang boleh mengakibatkan perubahan arah dalam aliran modal secara tiba-tiba dan mendadak.

Propek bagi kestabilan sistem kewangan adalah amat menggalakkan memandangkan daya tahan dan prestasi kewangan yang mantap serta kapasiti dan keupayaan yang bertambah kukuh sektor kewangan untuk mengharungi kendala-kendala masa hadapan. Infrastruktur kewangan yang lebih pelbagai juga akan membolehkan risiko dalam sistem kewangan diurus dengan cara yang lebih berkesan dan cekap.

**Bank Negara Malaysia**
**21 Mac 2007**